

Hamidin masih ada misi belum selesai sebagai Presiden FAM

PETALING JAYA: Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Datuk Hamidin Mohd Amin memberi bayangan untuk terus menerajui badan induk itu kerana terdapat misi yang masih perlu diselesaikan di bawah kepimpinannya.

Bercakap kepada Bernama, pemimpin berusia 58 tahun itu berkata antara perkara yang masih menjadi tumpuan adalah projek pembinaan Pusat Latihan Kebangsaan (NTC) dan Wisma FAM yang baharu masing-masing di Putrajaya.

Katanya, beliau juga mahu melihat skuad Harimau Malaya mencipta sejarah dengan mara ke pusingan ketiga kempen Kelayakan Piala Dunia 2026 buat julung kali dalam tempoh terdekat.

"Orang ramai suruh saya letak jawatan mereka tidak tahu perkara sebenar, jadi saya tidak terpengaruh dengan perkara tersebut, minat saya terhadap bola sepak yang buat saya berada di sini."

"Jadi biar perkara (soal jawatan) ini ikut prosedur mengikut peraturan yang ada, tahun depan ada pemilihan, saya okey siapa nak bertanding boleh bertanding," katanya pada sesi temu bual khas presiden FAM dan Bernama di Wisma FAM, Kelana Jaya di sini, pada Isnin lalu.

Pada masa sama, Hamidin yang dilantik sebagai presiden FAM bermula penggal 2018-2021 dan mengekalkan jawatan tanpa dicabar bagi penggal 2021-2025, berkata keputusannya untuk terus memimpin FAM juga bergantung kepada permintaan ahli gabungan badan induk itu. - Bernama

'Henti sebar kebencian, provokasi bola sepak di media sosial'

KUALA LUMPUR: Peminat bola sepak tempatan digesa supaya berhenti menanam benih kebencian dan melakukan provokasi di media sosial susulan insiden malang menimpa pemain sayap sensasi skuad Harimau Malaya Mohamad Faisal Abdul Halim yang disimbah asid baru-baru ini.

Penganalisis sukan tempatan Datuk Dr Pekan Ramli mengakui unsur-unsur kebencian yang disemai secara langsung atau tidak langsung oleh akaun-akaun hasut maya di platform media sosial berkaitan arena bola sepak negara khususnya saingan domestik ketika ini sangat membimbangkan.

Beliau tidak menolak kemungkinan kejadian yang menimpa Mohamad Faisal yang lebih dikenali sebagai Faisal Halim itu mungkin antaranya didorong rasa benci melampau akibat terpengaruh dengan lambakan hantaran berbaur kebencian.

"Ini kebencian tahap melampau. Walau apa pun sebabnya ia sangat merbahaya dan tidak sepatutnya sukan dicemari insiden seperti ini. Jangan nanti sampai membawa kepada insiden membunuh ahli sukan seperti yg berlaku di Colombia dulu."

"Semoga kes ini dapat diselesaikan dan polis dapat membongkar motif atau sebab

musabab sebenar, kelogikannya, pelaku bersendiriankah atau diupah, siapa pengupahnya dan lain-lain. Kita harap kes ini dapat diselesaikan segera untuk menutup segala kebimbangan," katanya ketika dihubungi Bernama, pada Selasa.

Pada masa sama, Pekan meminta supaya pemantauan terhadap salah laku pengguna media sosial ditingkatkan bagi membendung insiden sama berulang.

"Kita sangat memerlukan kawalan yang serius terhadap penggunaan media sosial dalam apa hal sekalipun, jangan sampai ia jadi platform yang menimbulkan kebencian teramat sangat," katanya.

Sementara itu, bekas pengurus Selangor Zakaria Rahim menyifatkan apa yang berlaku ke atas pemain Selangor FC berusia 26 tahun itu adalah tindakan yang tidak berperikemanusiaan, melampau dan tidak beradab.

"Saya mengajak dan menyeru semua peminat dan ahli sukan negara samada yang aktif mahupun yang telah bersara dari apa disiplin sukan sekalipun bersama-sama bersolidariti dan mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan sebegini ke atas mana-mana atlet sukan malah sesiapa sekalipun.

"Mana-mana agama sekalipun mengharlamkan apa sahaja perbuatan khianat. Tiada agama yang menyeru

umatnya untuk mengkhianati sesama manusia malah ke atas binatang dan tumbuhan sekalipun," kata pemerhati bola sepak tempatan itu dalam hantaran di Facebook beliau pada Selasa.

Ahad lepas, arena bola sepak tempatan dikejutkan dengan insiden Faisal Halim cedera dipercayai disimbah asid dalam kejadian di sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya dan disahkan mengalami kelecuran tahap empat, selain pergerakan dan percakapannya ketika ini turut terbatas berikutan insiden itu.

Pemain yang memenangi gol terbaik pada kempen Piala Asia 2023 di Qatar, Januari lepas itu dijangka tidak dapat beraksi minimum lima atau enam bulan sekali gus terlepas dua aksi pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027 menentang Kyrgyzstan dan Taiwan bulan depan.

Isnin lalu, Polis mengesahkan sudah menahan seorang lelaki di Pandan Indah, Ampang bagi membantu siasatan kes serangan jenayah terhadap Faisal Halim. - Bernama

7/5/2023 11